

**Kerajaan BN Prihatin, Perdana Menteri Diterima Rakyat Sabah
Bernama
23 September, 2012**

KOTA KINABALU, 23 Sept (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS), Tan Sri Joseph Pairin Kitingan berkata keprihatinan kerajaan Barisan Nasional (BN) terhadap Sabah dan kewibawaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semakin diterima rakyat menerusi penyelesaian pelbagai isu berbangkit.

Katanya, ini merujuk kepada penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi menangani masalah pendatang asing tanpa izin, melantik rakyat tempatan menerajui jabatan Persekutuan di negeri ini selain penghormatan kerajaan Persekutuan menjadikan 16 September sebagai tarikh sambutan Hari Malaysia.

"Kesemua ini membuktikan kerajaan BN yang diterajui Perdana Menteri sentiasa mendengar, prihatin dan berusaha memenuhi setiap permintaan yang dikemukakan oleh rakyat.

"Perdana Menteri sentiasa menggalakkan orang Sabah menerajui jabatan Persekutuan di negeri ini. Ini membuktikan Perdana Menteri seorang yang amat terbuka," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan PBS Bahagian Inanam yang dihadiri seramai kira-kira 1,000 anggota parti itu bagi Bahagian Inanam di Dewan Masyarakat Menggatal, Inanam, dekat sini, Ahad.

Pairin yang juga Timbalan Ketua Menteri meminta anggota parti itu terus memberi sokongan padu kepada PBS dan BN.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=696641>